



JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (2) November 2022 (052-063)

Kekangan Terhadap DP Ayat Kewujudan: Suatu Analisis Sintaksis Minimalis

¹Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi, ²Fazal Mohamed Mohamed Sultan & ³Azhar Jaludin

¹syafiqamir2017@gmail.com ²fazal@ukm.edu.my ³azharj@ukm.edu.my

^{1,2,3}Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 01 Oktober 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 10 Oktober 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2022
Published online

Abstrak

Antara binaan ayat yang digunakan oleh penutur natif bahasa Melayu ialah ayat kewujudan berpola *Ada-DP_{Indef}-FPrep*, iaitu DP dalam pola ini bersifat tak tentu (*DP_{Indef}*). Kajian Mashudi (2003) mendakwa DP dalam pola ini tidak layak menduduki posisi pangkal ayat sebagai subjek. Namun, kajian tersebut tidak berpada untuk menjelaskan kekangan yang dibawa oleh *DP_{Indef}* yang menghalangnya berfungsi sebagai subjek ayat secara teoretikal. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengemukakan analisis kekangan sintaksis *DP_{Indef}* dalam ayat kewujudan yang berpola *Ada-DP_{Indef}-FPrep* menerusi perspektif Minimalis. Data yang digunakan dalam kajian ini dipilih daripada ayat kewujudan yang dijana daripada Korpus DBP. Seterusnya, analisis teoretikal pula menggunakan kerangka Minimalis (Chomsky, 2015). Kajian ini mendapati dari segi struktur, *DP_{Indef}* tidak dianggap sebagai subjek ayat kerana posisinya yang menduduki posisi Objek Langsung (OL) K Dwitransitif [Spes,FK]. Dari segi kekangan sintaktik, *DP_{Indef}* dalam pola *Ada-DP_{Indef}-FPrep* tidak berfungsi sebagai subjek kerana dua kekangan. Pertama, fitur definit [+Def] yang terdapat pada posisi [Spes,FKALA] yang menghalang *DP_{Indef}* dari [Spes,FK] untuk naik ke posisi subjek ayat. Kedua, terdapat subjek nul *sub* mengisi posisi [Spes,FKALA] yang mengekang *DP_{Indef}* untuk menduduki posisi tersebut. Oleh itu, kajian ini pelengkap dan menyumbang kepada penjelasan teoretikal untuk menghuraikan kekangan sintaksis *DP_{Indef}* dalam struktur kewujudan bahasa Melayu dari sudut pandang Minimalis.

Kata Kunci: definitif, kewujudan, Minimalis, fitur, morfosintaksis

The Constraints of DP in Existence Sentence: An Analysis of Minimalist Syntax

Abstract

Among the sentence constructions used by native Malay speakers is the existence sentence with the pattern *Ada-DP_{Indef}-FPrep*, i.e. the DP in this pattern is indefinite (*DP_{Indef}*). Mashudi's study (2003) claims that the DP in this pattern is not eligible to occupy the base position of the sentence as a subject. However, the study does not focus on explaining the constraints brought by *DP_{Indef}* that prevent it from functioning as the subject of a sentence theoretically. Therefore, this study aims to present an analysis of the syntactic constraints of *DP_{Indef}* in existential sentences with the *Ada-DP_{Indef}-FPrep* pattern through a Minimalist perspective. The data used in this study were selected from existential sentences generated from the DBP Corpus. Next, the theoretical analysis uses the Minimalist framework (Chomsky, 2015). This study found that in terms of structure, *DP_{Indef}* is not considered as the subject of the sentence because of its position that occupies the position of Direct Object (DO) V Bitransitive [Spes,VP]. In terms of syntactic constraints, *DP_{Indef}* in the

pattern *Ada-DP_{Indef}-FPrep* does not work as a subject because of two constraints. First, the definite feature [+Def] found in the [Spes,TP] position prevents *DP_{Indef}* from [Spes,VP] to rise to the subject position of the sentence. Second, there is a null sub subject filling the position [Spes,TP] which constrains *DP_{Indef}* to occupy that position. Therefore, this study contributes to the theoretical explanation to explain the syntactic functionality of *DP_{Indef}* in the structure of existence of the Malay language.

Keywords: *definitive, existential, Minimalist, features, morphosyntax*

1. Pengenalan

Struktur asas binaan ayat selapis bahasa Melayu sebagaimana yang telah dibincangkan oleh sarjana bahasa ialah mengikut susunan subjek (S) – kata kerja (K)- objek (O) (Nik Safiah Karim et al., 2010; Asmah Hj. Omar, 2015; Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994; Ramli Salleh, 1995; Zaharani Ahmad, 2008). Namun demikian, terdapat suatu konstruksi yang memposisikan leksikal kata kerja K ‘ada’ di pangkal ayat yang digunakan oleh penutur natif. Konstruksi ini dikenali sebagai struktur ayat kewujudan bahasa Melayu (Abdullah Zawawi, Mohamed Sultan & Jaludin, 2022). Contoh struktur ayat yang memposisikan K di pangkal ayat diperturunkan dalam (1).

- (1) a. **KAda** [_{DP}wang] [_{FPrep}di dalam sampul].
 b. **KAda** [_{DP}kapal perang] [_{FPrep}di laut China Selatan].
 c. **KAda** [_{DP}perompak] [_{FPrep}di kawasan itu]. (Ahmad Syafiq Amir, 2019)

Pola ayat yang dipaparkan dalam (1) merupakan pola yang lazim digunakan digunakan dan ditemui secara produktif dalam pangkalan data korpus berkomputer. Konstruksi seperti yang dipaparkan dalam (1) menunjukkan leksikal kata kerja, yang diwakili oleh leksis ‘ada’ hadir pada permulaan ayat dan diikuti oleh suatu frasa nama yang dikenali sebagai frasa determiner (DP) dalam kajian sintaksis generatif moden. Seterusnya, DP tersebut pula disusuli oleh suatu frasa preposisi (FPrep) di akhir ayat. Konstruksi ayat kewujudan bahasa Melayu sebenarnya telah mengambil tempat dalam perbincangan sarjana dalam kajian-kajian lepas. Antara sarjana yang telah membincangkan struktur ayat kewujudan ialah Fokker (1972), Abdullah (1980), Arbak (1984), Lutfi (1986), Darwis (1989), Ramli (1989), Mashudi (2003), Mohd. Azemi (2003), Nomoto (2006), Sneddon et al. (2010), Hirobumi (2011), Moeljadi (2016), Maslida (2018), Ahmad Syafiq Amir (2019) dan Abdullah Zawawi, Mohamed Sultan & Jaludin (2022). Contoh ayat yang dikemukakan oleh sarjana lepas berkaitan konstruksi kewujudan diperturunkan dalam Jadual 1 seperti berikut.

Jadual 1: Ayat Kewujudan Yang Dikemukakan oleh Sarjana Bahasa

Bil	Ayat	Sumber
1	Ada buah di atas pokok.	Abdullah Hassan (1980)
2	Ada burung di atas dahan.	Darwis (1989)
3	(Sudah) ada seekor ular di dalam lubang itu.	Mashudi (2003)
4	Ada makhluk di planet lain.	Lutfi (1986)
5	Ada jejak gajah di atas batu.	Mees (1969)
6	Ada orang yang bersembunyi di sana.	Fokker (1972)
7	Ada orang yang hilang di Fraser’s Hill.	Nomoto (2006)
8	Ada kereta di halaman.	Darwis (1989)
9	Ada buku di atas meja.	Moeljadi (2016)
10	Ada bangunan di sana.	Arbak (1984)
11	Ada sebuah rumah di atas bukit.	Hirobumi (2011)
12	Ada orang di pejabat.	Sneddon et al. (2010)

Dalam analisis struktural, sarjana sintaksis tradisional yang telah membincangkan konstruksi *Ada-DP-FPrep* ialah Fokker (1972). Walaupun beliau tidak menyatakan struktur ayat kewujudan secara langsung dalam analisisnya, namun daripada contoh ayat yang dikemukakan, Fokker (1972) telah memberikan contoh struktur ayat kewujudan dengan binaan *Ada-DP-FPrep*. Contoh tersebut diperturunkan dalam (2)

- (2) a. **Ada** orang yang bersembunyi di sana.
 b. **Ada** seorang pengemis di perkarangan. (Fokker, 1972)

Sarjana lain yang turut membincangkan struktur Ada-DP-FPrep ayat kewujudan ialah Abdullah (2006). Menurut Abdullah, pola ayat kewujudan yang memposisikan K di pangkal ayat perlu dianggap sebagai salah satu pola dasar bahasa Melayu. Menurut beliau lagi, penutur natif bahasa Melayu sememangnya menggunakan ayat berstruktur Ada-DP-FPrep secara lisan mahupun secara bertulis. Contoh ayat yang dikemukakan oleh Abdullah bagi pola ini diperturunkan seperti dalam (3).

- (3) a. **Ada** buah di atas pokok.
b. **Ada** nasi dalam periuk. (Abdulah Hassan, 2006)

Dalam huraian, Abdullah (2006) menambah walaupun Za'ba (1947; 2000) menyatakan sesuatu ayat bahasa Melayu mestilah terbina daripada unsur *Benda+Cerita*, namun dalam sesuatu keadaan penutur jati bahasa Melayu tidak harus terikat dengan syarat yang demikian. Hal ini disebabkan dalam ayat yang dikemukakan oleh Abdullah (2006), terdapatnya bentuk ayat yang hanya terbina daripada unsur *Cerita* sahaja tanpa unsur *Benda* sebagaimana yang dipaparkan dalam (3).

Namun demikian, Arbak (194) didapati telah membincangkan keperihalan fungsi sintaksis bagi konstituen yang hadir dalam struktur Ada-DP-FPrep. Menurut Arbak (1984), DP yang hadir selepas K 'ada' dalam struktur kewujudan Ada-DP-FPrep mendukung fungsi subjek ayat. Contoh yang dikemukakan oleh Arbak (1984) dalam perbincangannya diperturunkan semula seperti dalam (4).

- (4) a. **Ada** makhluk di planet lain.
b. **Ada** burung di atas pokok. (Arbak, 1984)

Menurut contoh yang dikemukakan oleh Arbak (1984), DP 'makhluk' dan 'burung' hadir dalam keadaan tak tentu ($DP_{Indefinit}$). Keperihalan sesuatu DP yang hadir dalam keadaan 'tak tentu' ini dirujuk sebagai suatu frasa nama yang tidak memiliki sebarang penanda khusus, yang dikenali sebagai *Determiner* (DET). Dalam kajian bahasa Inggeris, penanda *Determiner* ini termasuklah a, the, that, those, these dan seumpamanya. Dalam kajian linguistik Melayu, penanda khusus atau tentu ini juga dikenali sebagai determiner dengan kata 'itu' atau 'ini'. Contohnya, DP 'makhluk' dan 'burung' yang diperturunkan dalam ayat (4a) dan (4b) masing-masing dianggap sebagai suatu frasa tak tentu kerana kehadirannya secara umum. Sebaliknya, jika frasa tersebut dihadiri oleh kata tunjuk 'itu' atau 'ini', seperti 'makhluk itu' atau 'burung ini', maka frasa tersebut dianggap sebagai frasa determiner tentu (DP_{Def}).

Berdasarkan contoh yang dikemukakan dalam (4), Arbak mendakwa bahawa DP_{Indef} 'makhluk' dan 'burung' yang hadir selepas K 'ada' mendukung fungsi subjek kerana konstruksi yang diperturunkan dalam (4) merupakan konstruksi songsang bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa penyongsangan ayat berlaku kerana kedudukan K 'ada' boleh mendahului DP subjek bahasa Melayu. Namun demikian, pandangan ini tidak disusuli dengan sebarang pembuktian dan hanya dianalisis secara struktural sahaja. Analisis ini merupakan pandangan Arbak (1984) yang sesuai dengan keterbatasan teori sintaksis struktural yang berkembang pada waktu tersebut.

Perkembangan ilmu sintaksis teoretikal telah membawa implikasi terhadap analisis sarjana bahasa terhadap konstruksi ayat kewujudan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana Mashudi (2003) telah membawakan suatu analisis terhadap struktur kewujudan beraplikasikan Teori Kuasaan dan Tambatan (Government & Binding Theory) untuk memperlihatkan subjek sebenar yang hadir dalam struktur Ada-DP-FPrep. Contoh yang dikemukakan oleh Mashudi (2003) dalam kajiannya diperturunkan semula seperti dalam (5).

- (5) a. **Ada** seekor ular di dalam lubang.
b. *pro* **Ada** seekor ular di dalam lubang.
c. *Seekor ular **ada** di dalam lubang.
(6) a. **Ada** udang di sebalik batu.
b. *pro* **Ada** udang di sebalik batu.
c. *Udang **ada** di sebalik batu. (Mashudi, 2003)

Menurut Mashudi (2003), ayat (5a) dan (6a) terbina tanpa konstituen subjek secara eksplisit. Analisis Mashudi (2003) menerusi Teori Kuasaan dan Tambatan mendapati bahawa dalam struktur rajah pohon, ayat (5a) dan (6a) sebenarnya memiliki subjek yang tidak dizahirkan, iaitu dinamakan pronominal (*pro*) sebagaimana yang dipaparkan dalam (5b) dan (6b). Menurut Mashudi (2003), *pro* merupakan suatu elemen nul berkategori kosong yang menduduki posisi subjek dalam struktur dalaman, namun tidak dizahirkan pada struktur permukaan. Tambahan itu, Mashudi (2003) mendakwa bahawa DP yang bersifat tak tentu tidak boleh menduduki posisi pangkal ayat dan tidak boleh mendukung fungsi subjek. Hal ini demikian kerana Mashudi (2003) meyakini bahawa sesuatu DP tak tentu tidak layak berperanan sebagai subjek, yang akhirnya sesuatu DP yang bersifat tak tentu tidak dibenarkan berada di pangkal ayat. Pandangan ini juga harus dihormati kerana beliau telah membawakan analisis struktur ayat kewujudan mengikut keterbatasan kerangka teori pada masa tersebut. Mashudi (2003) juga telah membawakan suatu pembaharuan dalam analisis sintaksis generatif apabila menganalisis struktur ayat dalam perspektif tatabahasa generatif pada waktu tersebut.

Namun demikian, dengan perkembangan teori analisis struktur sintaksis moden pada masa kini yang telah berkembang sehingga lahirnya Program Minimalis oleh Chomsky (1995; 2015), maka kajian ini tampil untuk menawarkan suatu analisis baharu berkaitan struktur ayat kewujudan bahasa Melayu mengikut perspektif Minimalis. Pandangan sarjana lepas berkaitan struktur ayat perlu dikupas secara lanjut menerusi pendekatan Minimalis.

Pertama, pandangan Arbak (1984) yang mendakwa DP_{Indef} yang hadir selepas K ‘ada’ berfungsi sebagai subjek ayat kerana posisi tersebut merupakan posisi songsang. Tidak dapat dinafikan bahawa pandangan ini lahir atas keterbatasan analisis teoretikal pada waktu tersebut. Namun, dakwaan ini harus dianalisis semula dengan menggunakan kerangka Minimalis untuk menentukan sama ada teori ini mampu membuktikan dakwaan ini benar atau sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis Minimalis memberi penganalisan dan penjelasan pendeskriptifan mengenai penyemakan dan pepadaman fitur morfosintaksis yang membawa implikasi terhadap pergerakan sesuatu leksikal dalam aras numerasi pembentukan struktur frasa. Oleh itu, dakwaan Arbak (1984) akan dinilai semula untuk menawarkan suatu dapatan baharu yang membuktikan perbezaan analisis menggunakan teori yang berbeza.

Kedua, kajian ini tampil untuk membawakan suatu analisis baharu berkaitan dakwaan Mashudi (2003) yang menyatakan bahawa sesuatu DPIndef tidak boleh mendahului K dalam struktur binaan ayat bahasa Melayu. Analisis menerusi Kuasaan dan Tambatan oleh Mashudi (2003) telah menjelaskan bahawa DPIndef tidak dibenarkan berada di pangkal ayat sebagai subjek. Namun, menerusi data korpus dan penggunaan penutur natif bahasa Melayu, kajian ini mendapati bahawa penutur natif menggunakan bentuk DPIndef yang mendahului K dalam ayat kewujudan. Hal ini digambarkan menerusi contoh (7).

- (7) a. [DPIndefPenyapu] **ada** [FPrepdi dalam stor].
 b. [DPIndefBunga orkid] **ada** [FPrepdi dalam pasu].
 c. [DPIndefKad jempunan] **ada** [FPrepdi atas meja]. (Data korpus DBP)

Berpandukan contoh yang dikemukakan dalam ayat (7), didapati bahawa DPIndef hadir di pangkal ayat mendahului K kewujudan ‘ada’. Konstruksi sebegini didapati wujud dan digunakan secara nalar oleh penutur natif bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa penutur natif menerima bentuk sebegini sebagai suatu konstruksi yang diterima dan difahami dalam komunikasi harian.

Namun demikian, dakwaan Mashudi (2003) menerusi kajiannya menggunakan kerangka Kuasaan dan Tambatan mendapati bentuk sebegini merupakan bentuk yang tidak gramatikal. Oleh hal yang demikian, kajian ini tampil untuk menawarkan suatu analisis baharu menggunakan kerangka Minimalis bagi memberikan penjelasan yang berpada tentang kehadiran DPIndef yang berposisi di pangkal ayat dalam konstruksi kewujudan bahasa Melayu. Dapatan ini akan menunjukkan perbezaan apabila pengaplikasian teori yang berbeza dikenakan dalam analisis struktur ayat kewujudan bahasa Melayu.

2. Metodologi Kajian

Kajian terhadap ayat kewujudan bahasa Melayu berbentuk kajian kualitatif deskriptif. Menurut Zaharani (2008), kajian linguistik terutamanya sintaksis merupakan kajian bahasa secara saintifik yang mengutamakan huraian yang bersifat deskriptif. Malah, kajian sintaksis deskriptif bermatlamat untuk menggambarkan fakta penggunaan bahasa yang sebenar dengan penjelasan secara komprehensif, sistematik, objektif dan tepat terhadap pola dan penggunaan sebenar dalam sesuatu bahasa (Crystal, 2008). Bagi memenuhi tahap kepadaan pemerhatian, kepadaan penghuraian dan kepadaan pendeskriptifan, kajian ini menggunakan dua jenis data, iaitu data daripada sarjana yang diperoleh daripada kajian kenahuan dan data pangkalan korpus berkomputer. Data korpus yang diambil bagi kajian ini adalah daripada pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP) yang dapat diakses secara dalam talian. Menurut Junaini Kasdan, Rusmadi Baharuddin & Anis Shahira Shamsuri (2020:15), penggunaan sesuatu bahasa itu menggambarkan unsur pengetahuan pengguna, pendapat, status sosial dan profesional serta hubungan kuasa antara unsur-unsur tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan oleh sekelompok besar pengguna bahasa dipengaruhi rapat oleh keadaan sosial sesuatu kawasan. Dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap penggunaan lexis *ada* dalam ayat BM mencerminkan pengetahuan sesuatu penutur atau pengguna bahasa terhadap penggunaan lexis ini dalam proses komunikasi. Hal ini dikuatkan lagi apabila Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin (2018:12) mendakwa penggunaan bahasa dalam kelompok sosial dianggap bersifat sarwajagat kerana ia wujud dan hadir dalam setiap budaya dalam sesebuah masyarakat.

Bagi sumber data pertama, pengkaji mengumpulkan semua data dengan lexis kewujudan 'ada' yang dinyatakan oleh sarjana bahasa. Kemudian, pengkaji menyusun data-data yang terkumpul mengikut konstituen binaan ayat tersebut. Secara umumnya, hanya konstruksi ayat kewujudan yang memperlihatkan konstruksi K 'ada' yang mendahului DP dalam *K_{ada}-DP-FPrep*. Cara yang sama diaplikasikan terhadap pencarian data melalui korpus DBP iaitu pengkaji menetapkan carian dengan kata kunci 'ada' dalam pencarian data digital. Kemudian, tetapan pada carian ditetapkan kepada enam sumber bahan, meliputi akhbar, buku, majalah, ephemeral, teks sastera dan kertas kerja. Hal ini bertujuan bagi membolehkan data yang dikutip mencakupi jumlah set yang besar yang mencerminkan penggunaan penutur natif sebenar.

Selain tetapan bahan, pengkaji juga menetapkan konteks data sebanyak lima perkataan dari kiri kata kunci dan lima perkataan ke kanan kata kunci. Hasil paparan data kemudiannya akan dibersihkan, iaitu mengekalkan argumen wajib kata kerja sahaja dan konstituen adjung atau maklumat tambahan pada data yang dipilih akan digugurkan bagi memudahkan analisis. Semua data yang telah dibersihkan kemudiannya akan dianalisis menggunakan penelitian struktur sintaksis versi Tempurung Fk (*vP Shell*) dalam Program Minimalis secara berpada.

3. Kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995; 2015)


Program Minimalis atau teori Minimalis yang diperkenalkan oleh Chomsky (1995; 2015) merupakan teori yang akan digunakan untuk mengkaji kekangan definitif terhadap DP dalam struktur kewujudan bahasa Melayu. Program ini mampu menjelaskan nahu sesuatu bahasa secara seminimal yang mungkin dan program ini telah diandaikan bahawa sesuatu maklumat morfem bagi sesuatu perkara akan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang tepat.

Dalam teori ini juga terdapat dua kepadaan yang akan diaplikasikan, iaitu kepadaan deskriptif dan kepadaan ekplanatori. Kepadaan deskriptif merupakan keupayaan dalam menghuraikan sesuatu intuisi penutur natif sesebuah bahasa dan kepadaan ekplanatori pula merupakan kepadaan yang bukan sahaja untuk mencapai kepadaan deskriptif tetapi untuk menganalisisnya.

Chomsky pada 2015 melihatkan bahasa sebagai satu komputasi. Komputasi ini berperanan menyusun set yang terbatas daripada prinsip tidak bervariasi. Set ini akan digunakan bagi menghasilkan satu set ungkapan. Set ungkapan tersebut mengandungi beberapa perkara seperti bunyi, makna dan struktur dan hal ini dapat dikaitkan bahawa sesuatu bahasa bukan sahaja

melibatkan sesuatu perkara itu berlaku dalam minda sahaja tetapi turut dapat dikaitkan dengan perkara-perkara yang di luar kawalan minda seseorang.

Teori berkenaan diaplikasikan berdasarkan kerangka di bawah:



Rajah 1: Proses Pembentukan Ayat dalam Kerangka Program Minimalis (Chomsky, 2015; Adger, 2002; Carnie, 2006; Radford, 2009)

Kerangka berkenaan membuat andaian bahawa setiap leksikal yang wujud dalam bentuk dasar di dalam leksikon. Setiap leksikal tersebut pula diandaikan wujud bersama ciri-ciri fitur idiosinkratik bagi leksikal tersebut dan fitur berkenaan terdiri daripada fitur berinterpretasi dan fitur tak berinterpretasi. Aras pertama diandaikan sebagai aras numerasi bagi leksikal-leksikal supaya boleh bergabung bagi membentuk frasa dan seterusnya ayat.

Cantuman dalam dan cantuman luar terlibat dalam proses pergabungan di mana proses percantuman ini berlaku melalui keserasian fitur yang wujud di antara satu sama lain. Dengan demikian, rajah pohon yang akan terbentuk hasil daripada percantuman berkenaan akan sentiasa bersifat binari. Seterusnya pada aras cetusan, penyemakan terhadap fitur-fitur tak berinterpretasi akan berlaku kemudian akan dihapuskan. Proses penyemakan fitur akan dikawal oleh Prinsip Penyemakan Fitur yang akan memastikan fitur-fitur yang tak berinterpretasi disemak kemudian dihapuskan. Setiap pergerakan akan ditangguhkan sehingga ke saat terakhir. Kesemua aras bermula dari aras leksikon sehingga aras Cetusan boleh bergabung bagi dikenali sebagai Sintaksis Nyata.

4. Analisis Data Kajian

Kajian ini maklum bahawa terdapat pandangan berbeza yang telah diutarakan oleh sarjana lepas. Misalnya, sarjana sintaksis seperti Arbak Othman (1984) dalam kajiannya mendakwa bahawa DP dalam struktur Ada-DP-FPrep berfungsi sebagai subjek ayat tersebut. Walaupun DP dalam pola ini hadir dalam keadaan tak tentu (*indefinite*), namun menurut Arbak (1984), DP tersebut didakwa boleh mendukung fungsi subjek ayat. Contohnya dikemukakan seperti berikut.

- (8) a. **Ada** [DP_{Indef} penyeludup] [FPrep di pulau ini].
 b. [DP_{Indef} Penyeludup] **ada** [FPrep di pulau ini].
- (9) a. **Ada** [DP_{Indef} nasi] [FPrep dalam periuk].
 b. [DP_{Indef} Nasi] **ada** [FPrep dalam periuk].

Berdasarkan contoh (8) dan (9), Arbak (1984) mendakwa DP_{Indef} yang diwakili oleh *penyeludup* dan *nasi* berfungsi sebagai subjek ayat. Hal ini kerana Arbak (1984) menghujahkan bahawa ayat (8b) dan (9b) merupakan konstruksi asas ayat kewujudan, manakala ayat (8a) dan (9a) merupakan konstruksi songsang yang mendepankan *ada* di pangkal ayat.


Oleh yang demikian, menurut pandangan ini, Arbak (1984) didapati mengutarakan pandangan bahawa DP_{Indef} mempunyai kuasa untuk berfungsi sebagai subjek. Pandangan ini sebenarnya didapati berbeza dengan Mashudi Kader (2003) yang menyatakan bahawa sesuatu frasa nama yang bersifat tak tentu tidak boleh berada di pangkal ayat. Namun demikian, tiada penjelasan lanjut secara

teoretikal untuk membuktikan kedua-dua hujah ini kerana kedua-dua tokoh tersebut hanya membincangkan fungsi DP_{Indef} secara struktural sahaja.

Oleh yang demikian, bahagian ini bertujuan mengupas lanjut fenomena DP_{Indef} yang berposisi di pangkal ayat mendahului *ada* dalam ayat kewujudan. Pengkaji tidak menolak sepenuhnya pernyataan Arbak (1984) yang mengatakan sesuatu ayat masih dikira gramatis dengan memposisikan DP_{Indef} di pangkal ayat. Namun, kajian ini tidak bersetuju dengan dakwaan Arbak (1984) bahawa DP_{Indef} yang berposisi di pangkal ayat berfungsi sebagai subjek ayat tersebut, sebagaimana yang ditunjukkan dalam contoh (8b) dan (9b). Oleh yang demikian, bahagian ini akan mengemukakan penjelasan berlandaskan pendekatan Minimalis untuk menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan DP_{Indef} yang berposisi di pangkal ayat tidak layak berfungsi sebagai subjek dengan berpada.

Faktor utama yang menyebabkan DP_{Indef} dalam ayat kewujudan berpola sub-Ada-DP-FPrep tidak mendukung fungsi subjek adalah kerana kekangan definitif yang dikenakan oleh posisi [Spes,FKALA] terhadap item leksikal yang akan mengisi posisi tersebut. Dalam analisis ini, posisi subjek ayat, iaitu [Spes,FKALA] memiliki fitur tentu [+Def] secara *default*. Hal ini menyebabkan suatu kekangan diberikan kepada item leksikal yang akan menduduki posisi tersebut mestilah leksikal yang membawa fitur [+Def] yang sama yang diperlukan oleh posisi berkenaan.


Namun demikian, hal ini gagal dicapai oleh DP dalam pola Ada-DP-FPrep kerana DP dalam pola ini hadir dalam keadaan tak tentu. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada apa-apa penanda definitif yang hadir bersama DP dalam pola tersebut yang menyebabkannya tidak dapat membawa fitur tentu yang diperlukan oleh posisi subjek. Maka, sebagai frasa nama yang membawa fitur tak tentu [-Def], DP_{Indef} telah mengalami kekangan sintaksis untuk berada di posisi subjek. Hal ini digambarkan melalui contoh dalam Rajah 2.



Rajah 2 DP_{Indef} dikekang daripada naik ke posisi [Spes,FKALA]

Oleh yang demikian, kekangan definitif yang diberikan oleh posisi [Spes,FKALA] telah mengekang sebarang leksikal yang membawa fitur N [-Def] daripada menduduki posisi ini. Walaupun leksikal DP membawa fitur [N] yang diperlukan oleh [Spes,FKALA], namun syarat kedua yang mesti diikuti adalah sesuatu N tersebut mestilah bersifat tentu. Oleh yang demikian, hal ini menyebabkan DP_{Indef} yang mengikuti *ada* dalam ayat kewujudan dwitransitif tidak layak menduduki posisi subjek ayat. Sehubungan itu, DP_{Indef} kekal berperanan sebagai Objek Langsung kepada K_{dwitransitif} *ada*.

Oleh sebab itu, kajian ini mencadangkan bahawa elemen nul yang dikenali sebagai subjek kecil 'sub' yang membawa fitur [+Def] dibawa masuk daripada aras leksikon untuk menduduki posisi [Spes,FKALA]. Menurut Abdullah Zawawi et al. (2022) *sub* berperanan sebagai subjek yang tidak dizahirkan, dan wujud mengisi posisi subjek berkenaan secara terselindung (*covert subject*). Hal ini dipaparkan menerusi Rajah 3.



Rajah 3 subjek kecil 'sub' yang membawa fitur [+Def] menduduki posisi [Spes,FKALA]

Maka, penjelasan terhadap kekangan definitif yang diberikan oleh posisi subjek ayat [Spes,FKALA] telah membuktikan bahawa DP_{Indef} dalam pola sub-Ada- DP_{Indef} -FPrep sebenarnya tidak dapat menduduki posisi subjek ayat kerana posisinya yang kekal pada tempatnya, iaitu posisi Objek Langsung bagi K dwitransitif [Spes,FK]. Oleh itu, melalui pembuktian kekangan definitif dan posisi leksikal dalam struktur Cangkerang Fk ini, pandangan Arbak (1984) yang mendakwa DP_{Indef} boleh berfungsi sebagai subjek ayat dapatlah disanggah dan dipertikaikan.

Namun, kajian ini bersetuju dengan pandangan Arbak (1984) yang menyatakan sesuatu ayat masih gramatis dengan memposisikan DP_{Indef} di pangkal ayat. Hal ini berbeza dengan Mashudi (2003) yang mendakwa sesuatu frasa nama tak tentu tidak boleh berposisi di pangkal ayat. Melalui penelitian Minimalis, kajian ini senada dengan Arbak (1984) kerana terbukti DP_{Indef} masih berpeluang untuk berada di pangkal ayat mendahului *ada*.

Namun, kajian ini dengan tegas menyatakan bahawa posisi DP_{Indef} di pangkal ayat bukanlah bermaksud ia mendukung fungsi subjek. Terdapat kekangan lain yang diberikan kepada DP_{Indef} ini untuk mendahului *ada*. Kekangan tersebut dapat diperhatikan melalui struktur sintaksis Cangkerang Fk apabila DP_{Indef} tidak boleh naik dan berkongsi posisi yang sama dengan 'sub' di [Spes,FKALA]. Namun, kajian ini mendapati DP_{Indef} boleh menduduki posisi pangkal ayat dan mendahului *ada* apabila ia naik ke posisi Frasa Topik (FTOP). Hal ini digambarkan melalui contoh berikut.

- (10) DP_{Indef} Penyeludup] sub **ada** <DP_{Indef} penyeludup>_{tikas} [FPrep di pulau ini].



Naik ke posisi FTOP


- (11) DP_{Indef} Nasi] sub **ada** <DP_{Indef} nasi>_{tikas} [FPrep dalam periuk].



Naik ke posisi FTOP

Melalui contoh (10) dan (11) yang telah dikemukakan, DPIndef “penyeludup” dan “nasi” menduduki posisi asalnya, objek langsung K dwitransitif. Namun, kedua-dua DPIndef tersebut dibenarkan menduduki posisi pangkal ayat walaupun dalam keadaan tak tentu. Hal ini dikatakan demikian kerana pergerakan DPIndef “penyeludup” dan “nasi” ke pangkal ayat sebenarnya mengisi posisi Frasa Topik dan bukannya posisi subjek. Sebagaimana yang dilihat dalam contoh (10) dan (11), posisi subjek sebenarnya diisi oleh subjek kecil, yang dikenali sebagai ‘sub’ secara implisit. Dengan kata lain, sub merupakan suatu subjek nul berkategori kosong yang telah mengisi posisi subjek ayat pada aras numerasi dalam struktur rajah pohon. Oleh yang demikian, sekiranya sesuatu ayat yang didahului oleh suatu DPIndef menduduki posisi pangkal, sebenarnya ia adalah Frasa Topik yang dikedepankan sebagai topik utama ayat tersebut. Secara asasnya, kajian ini mendapati bahawa DPIndef dalam ayat (10) dan (11) tidak boleh diberi fungsi subjek atas faktor yang telah dijelaskan. Bagi menunjukkan posisi yang diisi oleh DPIndef apabila berposisi di pangkal ayat, kami memperturunkan rajah frasa kerja berlapis bagi ayat (12) berikut.

- (12) a. [DPIndef Buku cerita] **ada** [FPrep di dalam almari].



Rajah 4: Pergerakan DP_{Indef} ke pangkal ayat menduduki posisi [Spes,FTOP]

Maka, pergerakan DP_{Indef} ke pangkal ayat mendahului *ada* bukanlah berfungsi sebagai subjek, sebaliknya ia menduduki posisi kepala TOP. Penelitian struktur ini dari perspektif Cangkering frasa kerja berlapis (vP Shells) mendapati Posisi ini sebenarnya terhasil daripada unjuran FKOMP yang diletuskan kepada dua nodus kecil, iaitu nodus frasa Topik (FTOP) dan nodus Frasa Fokus (FFOK)..

Oleh yang demikian, analisis pergerakan dalam Cangkerang Fk ini telah membuktikan bahawa DP_{Indef} masih boleh menduduki posisi pangkal ayat. Hal ini berjaya menafikan Mashudi (2003) yang mendakwa frasa nama tak tentu tidak boleh berbuat demikian. Dalam masa yang sama, analisis ini juga berjaya menafikan Arbak (1984) apabila pergerakan DP_{Indef} ke pangkal ayat yang mendahului *ada* didapati mendukung fungsi frasa Topik dan bukannya subjek ayat.

Kesimpulannya, analisis kekangan definitif terhadap ayat kewujudan dwitransitif yang telah dibincangkan dalam subbahagian ini menampakkan dua penemuan novel. Pertama, objek langsung ayat kewujudan dwitransitif yang diwakili oleh DP_{Indef} kekal pada posisinya, iaitu [Spes,FK] dan tidak dapat naik ke posisi subjek ayat kerana telah dikekang oleh fitur tentu [+Def] pada [Spes,FALA]. Kedua, sesuatu ayat kewujudan masih mengekalkan kegramatisan ayatnya apabila DP_{Indef} bergerak mendahului *ada* kerana analisis struktur sintaksis menunjukkan pergerakan DP_{Indef} ke pangkal ayat sebenarnya menduduki posisi Frasa Topik dan bukannya menduduki posisi subjek. Dalam konteks ini posisi subjek ayat [Spes,FKALA] telah diisi oleh elemen nul subjek kecil yang tidak dizahirkan, iaitu 'sub'.

Maka, analisis Minimalis yang dibawakan dalam kajian ini dapat membuktikan DP_{Indef} dikekang daripada menduduki posisi subjek ayat [Spes,FKALA] dalam struktur sintaksis. Hal ini merupakan novelti kajian ini yang membuktikan konstruksi DP_{Indef} di pangkal ayat masih diterima sebagai ayat yang gramatis dan analisis minimalis ini berjaya menafikan pandangan sarjana lepas berkaitan isu yang telah dikemukakan.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga ingin menegaskan bahawa analisis yang dikemukakan oleh Arbak (1984) adalah bersesuaian dengan perkembangan ilmu sintaksis pada waktu tersebut. Beliau telah berjaya membawakan suatu pandangan berkaitan keperihalan subjek yang pada pendapatnya merupakan subjek songsang dalam ayat kewujudan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pandangan tersebut haruslah dihormati selaras dengan tahap perkembangan ilmu linguistik pada waktu tersebut.

5. Kesimpulan

Perkembangan ilmu sintaksis teoretikal yang pesat awal abad ke-21 di Malaysia telah memperlihatkan perkembangan dalam analisis ayat kewujudan bahasa Melayu secara teoretikal. Kajian ini mengiktiraf analisis yang dikemukakan oleh Mashudi (2003) yang telah membincangkan keperihalan Frasa Nama yang bersifat tak tentu yang tidak mendukung fungsi subjek. Perkembangan sintaksis teoretikal dalam Melayu pada waktu tersebut telah menyebabkan struktur ayat kewujudan dapat dianalisis menggunakan kerangka Teori Generatif versi awal, iaitu Teori Kuasaan dan Tambatan. Hakikatnya, teori tersebut telah membawakan analisis struktur sintaksis dalam cara yang baharu yang berbeza dengan analisis sintaksis struktural yang dibawa oleh sarjana sebelumnya.

Menyedari hakikat bahawa perkembangan pesat ilmu sintaksis teoretikal kini yang memperlihatkan lahirnya kerangka Minimalis. Hal ini menyebabkan kajian ini tampil untuk membawakan analisis baharu struktur sintaksis berdasarkan peranan fitur morfosintaksis yang dibawa oleh setiap item leksikal dalam struktur binaan sintaksis. Kelompongan yang ditinggalkan oleh sarjana lepas merupakan akar tunjang utama yang membolehkan kajian ini tampil menawarkan analisis baharu struktur ayat kewujudan Melayu dalam sudut pandang Minimalis. Dapatan yang telah dibincangkan dalam analisis ini bukanlah untuk menafikan sumbangan sarjana lepas. Namun, kajian ini merupakan pelengkap kepada analisis sintaksis yang memperlihatkan perbezaan analisis setiap sarjana, sesuai dengan perkembangan ilmu teoretikal pada zaman berkenaan. Sehubungan itu, kajian ini memberi impak dalam menyumbang kepada penjelasan teoretikal untuk menghuraikan kekangan sintaksis DP_{Indef} dalam struktur ayat kewujudan bahasa Melayu dari perspektif sintaksis Minimalis yang membezakannya dengan analisis yang telah dibawa oleh sarjana bahasa yang lepas.

Penghargaan

Dapatan awal kajian ini telah dibentangkan di Seminar Linguistik Kebangsaan 2022 (SLiK 2022) bertempat di Pusat Penyelidikan Langkawi pada 21-22 September 2022. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih atas setiap komen dan cadangan yang diberikan bagi memantapkan lagi kajian ini. Penulisan ialah hasil penyelidikan daripada Tabung Agihan Penyelidikan (TAP-K016256).

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan et al. (2006). *Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: PTS Publication.
- Abdullah Zawawi, A. S. A., Mohamed Sultan, F. M., & Jaludin, A. (2022). Subjek Nul Pro Bahasa Melayu: Suatu Penilaian Semula Berpanduan Kerangka Minimalis. *Issues in Language Studies*, 11(1), 109-128. <https://doi.org/10.33736/ils.4122.202>
- Adger, David. (2002). *Core Syntax: A Minimalist Approach*. United Kingdom: University of London.
- Ahmad Syafiq Amir. (2019). *Analisis Ayat Kewujudan Bahasa Melayu Berdasarkan Teori Tatabahasa Generatif*. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Arbak Othman. (1984). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carnie, A. (2006). *Syntax: A Generative Introduction (Second Edition)*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Chomsky, Noam. (1995). *The Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Chomsky, Noam. (2015). *The Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Darwis Harahap. (1989). *Struktur Sintaksis Ayat Selapis Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fokker, A. A. (1972). *Pengantar Sintaksis Indonesia*. Jakarta: Pradnja Paramita.
- Hirobumi, Sato. (2011). Kata Pemer: Satu Takrifan Nahu dalam Ayat Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 11(2), 163-195. Diakses daripada <https://www.myjurnal.my/public/article-view.php>.
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri. (2020). Covid-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Meayu: Analisis Sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 20(3), 221-239. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (tt). Diakses daripada <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>
- Liaw, Yock Fang & Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lutfi Abas. (1986). *Bahasa Melayu Tinggi Ditinjau Dari Sudut Morfologi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Mashudi Kader. (2003). Kategori kosong pro yang berfungsi frasa nama. *Jurnal Bahasa*. 3(3), 391-416.
- Maslida Yusof. (2018). Struktur semantik aksionsart kata 'ada.' *Jurnal Melayu* 17(2), 197-209.
- Mees, C. A. (1969). *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Moeljadi, D. (2016). Ada Sentence in Standard Indonesian. *The 20th International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics (ISMIL 20)*, 1-17.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff. (2003). Struktur semantik kategori "ada" berdasarkan struktur konseptual leksikal. *Jurnal Bahasa* 3(1), 96-107.
- Nik Safiah Karim et al. (2010). *Tatabahasa Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, H. (2006). *A Study on Complex Existential Sentences in Malay*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Tokyo University of Foreign Studies.
- Nomoto, H. (2009). On indefinite subjects of pivot verbs in Malay. *International Journal of Corpus Linguistics* 14(2), 221-254.
- Radford, A. (2009). *Analysing English Sentences: A Minimalist Approach*. United States of America: Cambridge University Press.
- Ramli Salleh. (1989). *Fronted Constituents in Malay: Base Structures and Move Alpha in a Configurational Non-Indo-European Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Salleh. (1995). *Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Metafora Konsepsi Emosi Marah Dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*. Vol. 19(1), 243-260.
- Sneddon et al. (2010). *Indonesian Reference Grammar*. New South Wales: Allen & Unwin Press.
- Zaharani Ahmad. (2008). Data Korpus dan Nahu Praktis. Dlm Zaharani Ahmad, (Peny.), *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (ms. 15-20). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Za'ba. (1947). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis

Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi merupakan calon Ph.D di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kajian beliau adalah berkaitan fitur morfosintaksis berlandaskan Sintaksis Teoretikal, iaitu mengkhusus kepada sintaksis generatif versi Minimalis.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususan beliau adalah berkaitan Sintaksis versi Minimalis. Beliau juga aktif dalam kajian sintaksis generatif bagi bahasa Austroasiatik dan Austronesia. Dalam masa yang sama, beliau juga aktif dalam kajian sintaksis beraplikasikan Geolinguistik (GIS).

Azhar Jaludin (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususan beliau adalah berkaitan Linguistik Korpora. Beliau aktif melaksanakan pelbagai kajian kebahasaan berlandaskan data korpus digital dan merupakan penyelidik aktif dalam pembangunan korpus bahasa di Malaysia.